

12/10/2003

Hapus subversif tugas berat Pak Lah, kata Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata antara tugas penting yang perlu dipikul oleh penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ialah mengelak Islam digunakan untuk kegiatan subversif dan mencetuskan rasa kebencian.

Perdana Menteri yang akan mengundur diri 31 Oktober ini berkata, di Malaysia ada sebuah parti politik yang mendakwa sebagai parti Islam tetapi hakikatnya ia sebuah parti yang memperalatkan Islam.

"(Undang-Undang Hudud)... ini cuma gimik politik. Mereka ini tahu bahawa kita mempunyai undang-undang syariah yang digunakan untuk semua keluarga Islam. Tetapi kami tidak boleh mengenakan undang-undang syariah di seluruh negara kerana 40 peratus rakyat kami adalah bukan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian dalam temu ramah untuk program "Talking Point" Perbadanan Penyiaran Britain (BBC), yang dipetik daripada laman web perbadanan itu. Temu ramah penuh itu yang diadakan di Putrajaya kelmarin disiarkan di saluran 93 BBC di Astro pada jam 10.05 malam ini.

Dr Mahathir turut memberi jawapan kepada beberapa pemanggil dan emel dari seluruh dunia dalam temu ramah secara interaktif itu.

Dalam program itu, beliau menjawab beberapa pertanyaan daripada pemanggil dari seluruh dunia dan turut mengulas pelbagai isu mengenai Malaysia termasuk hubungan di antara orang Melayu dan Cina serta kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut laman web BBC itu, seorang lagi pemanggil menuduh Malaysia kononnya memberi layanan "warga kelas kedua" kepada kaum minoriti tetapi dijawab oleh Dr Mahathir bahawa orang Melayu sebenarnya berasa tertekan oleh orang Cina yang kaya.

"Orang Melayu berasakan bahawa mereka kelas kedua kepada orang Cina yang kaya [- kedua-dua kelas kedua dan tiada kelas pertama," katanya.

Perdana Menteri turut mengecam Barat kerana menganggap semua umat Islam sebagai penganas dan pada masa yang sama menyifatkan tindakan ganas tidak akan mencapai apa-apa.

Beliau berkata, banyak orang memikirkkan bahawa Islam menjadikan ummah lebih bersifat konfrontasi "tetapi hakikatnya, jika kita amalkan Islam fundamental, ia mahu kita hidup dalam aman."

"Saya menganggap diri saya sebagai orang Islam fundamental," katanya.

Perdana Menteri dalam program itu turut merayu kepada umat Islam seluruh dunia supaya kembali kepada ajaran sebenar Islam dan menerapkan nilai aman, setia kawan, persaudaraan dan tolak ansur.

Malaysia katanya, tidak mempunyai masalah dengan militan Islam kerana ia sudah bertindak untuk menghentikan ajaran politik membenci di sekolah-sekolah agama.

"Kita sentiasa berjaga-jaga dan tahu apa yang berlaku dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tidak diluluskan untuk dimain-main," katanya.

Katanya, pada masa yang sama berlaku pertembungan tamadun di antara negara Islam dan yang bukan Islam disebabkan kurangnya fahaman mengenai Islam itu sendiri.

Beliau mengakui wujud masalah di kalangan umat Islam sendiri berikutan tafsiran salah mengenai ajaran sebenar Islam.

"Hasilnya, Islam bagaikan penghalang kepada kemajuan dan saya percaya wujud keperluan untuk perpaduan yang lebih jitu di kalangan negara Islam,"

katanya.

Menurut laman web itu lagi, seorang pemanggil barat dalam rancangan itu mencabar Dr Mahathir untuk mempertahankan kutukannya terhadap homoseksual tetapi dijawab oleh Perdana Menteri bahawa setiap negara mempunyai undang-undangnya sendiri.

"Anda tidak boleh memaksa kami untuk menerima nilai (hidup) anda (atau) membandingkan Malaysia dengan Britain," katanya.

Ditanya mengenai Iraq, Dr Mahathir berkata serangan berterusan terhadap tentera Amerika Syarikat di negara itu menunjukkan mereka tidak dialukan.